Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Shah Alam
mohdafandi@uitm.edu.my

# PENDAHULUAN

Hal Ehwal Pentadbiran Agama Islam atau hukum syarak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri (Jadual 9, Senarai 2 Senarai Negeri)



# Samb…

- kerajaan negeri mempunyai bidang kuasa untuk menubuhkan majlis dan jabatan agama Islam bagi negeri masing-masing.
- Implikasinya, pentadbiran hal ehwal berkaitan agama Islam ditadbir secara berasingan di setiap negeri dan tidak dapat diseragamkan sama ada dalam perundangan, pengurusan dan perlaksanaan antara negeri-negeri di Malaysia.

# Al-Mutawalli Wakaf di Malaysia

Majlis Agama Islam Negeri Sebagai Pemegang Amanah Tunggal Harta Wakaf di Malaysia

# Kuasa MAIN

*"Walau apapun peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana suratcara atau pengisytiharan yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh kepada perkara itu, maka hendaklah Majlis menjadi pengawal tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf Am atau Wakaf Khas dan semua nazar am dan semua amanah dari serba jenis yang mewujudkan amanah khairat untuk bantuan dan kemajuan Agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syara' dan yang terletak di negeri ini atau jika orang yang membuat penyelesaian harta itu atau lain-lain orang yang mewujudkan amanah, wakaf* atau nazar am itu berdomisil di *negeri ini, setakat semua harta yang tersentuh olehnya dimana jua harta itu terletak"*

# Kuasa MAIN

*" segala harta yang, pada yang ditetapkan, tertakluk kepada seksyen 143 hendaklah, jika terletak di dalam negeri ini, terletak hak pada majlis"*

# Peranan Mutawalli



Pentadbir harta wakaf atau pemegang amanah dikenali sebagai *"al-Mutawalli" yang* terdiri daripada orang atau badan yang mempunyai kemampuan, amanah dan berupaya melaksanakan apa yang dihajati oleh pewakaf



Tugas utama adalah menjaga dan memelihara serta membangunkan tanah yang diwakafkan, mengutip hasil wakaf dan seterusnya mengagihkan kepada benefisiarinya yang berhak serta memeliharanya dengan sebaik mungkin daripada sebarang kehilangan dan kerosakan, sebagaimana yang disyaratkan oleh pewakaf

# Pentadbiran Wakaf di Malayia









# Undang-Undang & Peraturan Wakaf di Malaysia



# Definisi Wakaf



# Definisi Wakaf

Penahanan harta yang berkekalan dan dapat dimanfaatkan harta tersebut, manakala pemilik harta itu akan terputus hak pemilikannya.

**(Mazhab Shafi'i)**

- Haram pewakaf memiliki harta wakaf
- Pewakaf tidak boleh mengambil manfaat Harta wakaf
- Terputus hak pemilikan oleh pewakaf
- Harta yang ada manfaat dan boleh digunakan
- Harta wakaf mesti kekal

# Enakmen Wakaf Negeri 9

a)
- *Menyerahkan hakmilik apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat, faedah atau keuntungannya*

b)
- *Menyerahkan manfaat, faedah atau keuntungan yang boleh dinikmati daripada apa-apa harta; atau*

c)
- *Menyediakan kepakaran dan perkhidmatan yang boleh dinikmati manfaat, faedah atau keuntungannya.*

# 3 PRINSIP UNDANG-UNDANG WAKAF

- Tidak boleh dijual
- Tidak boleh dihibahkan kpd org lain
- Tidak boleh diwarisi



Seksyen 4(2), EWS 1999 telah memperuntukkan tentang prinsip undang-undang

"Sesuatu wakaf yang telah berkuatkuasa, tidak boleh dijual atau dihibah oleh waqif atau diwarisi oleh mana-mana orang."

# Kuasa al-Mutawalli (MAIN)

Membuat perjanjian, membeli, mengambil, memegang dan memiliki harta sama ada harta alih atau tak alih untuk menukar, memindah, membangun segala harta yang terserah milik kepada MAIN

berhak menjalankan segala aktiviti pembangunan ke arah kemajuan ekonomi yang difikirkan perlu dan segala faedah daripada harta wakaf tersebut dapat diagihkan

MAIN boleh melibatkan dalam memajukan mana-mana aktiviti, sama ada dijalankan oleh lain-lain badan, atau orang, atau sama ada di bawah kelolaan atau separuh kelolaan atau secara persendirian dengan memberi bantuan kepada mereka yang dilihat oleh MAIN layak untuk menjalankan segala aktiviti

# Harta Amanah

zakat

hibah

wakaf

sedekah

# Isu-Isu Fiqh
# &
# Perundangan

# Isu-Isu Fiqh

- Keterikatan dengan niat pewakaf antara menjadi halangan ke arah usaha pembangunan tanah wakaf.
- Konsep istibdal tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh MAIN
- Pandangan klasik, wakaf lebih berbentuk kebajikan dan bukan berorientasikan keuntungan
- Kesamaran tujuan wakaf dibuat juga menimbulkan masalah akibat kegagalan pewakaf menjelaskan maksud dan tujuan wakaf dibuat

# Penentuan Syarat Wakaf



SEKSYEN 38 (3): JIKA, DISEBABKAN BERLALU MASA ATAU BERLAKU PERUBAHAN KEADAAN, SYARAT-SYARAT MANA-MANA WAKAF TIDAK DAPAT SECARA BERFAEDAH DILAKSANAKAN DENGAN TEPAT SEBAGAIMANA YANG DIKEHENDAKI OLEH WAQIF, MAJLIS HENDAKLAH MENYEDIAKAN SUATU RANCANGAN BAGI MENGGUNAKAN MANFAAT ATAU FAEDAH YANG TERLIBAT ITU DENGAN SUATU CARA YANG SEHAMPIR MUNGKIN YANG SEAKAN-AKAN SAMA SEBAGAIMANA YANG DIKEHENDAKI OLEH WAQIF, DAN HENDAKLAH MELAKSANAKAN SEWAJARNYA:






**Berkembang**

- tanah
- Bangunan
- Masjid/ surau
- Sekolah dll

**Tidak berkembang**

- Kubur

# Falsafah Wakaf dalam Islam



# Konsep Istibdal



# Istibdal Wakaf Am dan Khas

**Wakaf Am**

- ?

**Wakaf Khas**

- ?

# Kontradiksi antara 2 maslahah

**Manfaat**

(tanah dll)

**‘ain/ aset**

(rumah ibadah)

# Analisis Hukum



# Keperluan Istibdal…

- Kebanyakan tanah yg diwakafkan tidak berada di kaw yg strategik dan tidak ekonomik
- Banyak tanah yang diwakafkan terdiri daripada lot-lot tanah yang kecil dan kedudukan lokasinya berada di merata-rata tempat yang berjauhan
- Banyak tanah wakaf yang diberikan kpd MAIN dlm bentuk wakaf khas (kubur/ sekolah dll). Cth di Kelantan 70% wakaf khas
- Berdasarkan kepada **Akta Kanun Tanah Negara 1965** sempadan/bahagian bagi tanah pertanian yang dimiliki secara hak milik  bersama tidak dibenarkan pecah milik. Ini kerana hasil pecahan tersebut akan menjadikan lotnya kurang daripada 2/5 hektar.

# Kadar Sewa

- tanggapan negatif bahawa wakaf adalah berbentuk kebajikan umum. Cth: Nilai kadar sewa tanah dan bangunan wakaf terlalu rendah
- Kefahaman fiqh wakaf: Kurangnya kerjasama dengan masy/ penyewa dan kurang kefahaman ttg hak-hak serta tanggungjawab ke atas t/wakaf

# Isu Kefahaman Fiqh Wakaf

Pendudukan haram di atas tanah wakaf



Tidak membayar sewa



Menambah keluasan tanah wakaf

# Isu-isu Fiqh Wakaf Kontemporari

## MODEL KONTEMPORARI PEMBANGUNAN WAKAF PERUMAHAN KOMERSIA

Model Wakaf Perumahan Komersial Pulau Pinang



Model Wakaf Perumahan Komersial Terengganu






Model Wakaf Perumahan Komersial Selangor



Model Wakaf Perumahan Komersial Singapura



PERBANDINGAN PENERIMAAN MANFAAT WAKAF

**Perbandingan penerimaan manfaat wakaf oleh *mawquf alayh* dalam tempoh setahun**

| Sebelum pembangunan wakaf (2005) | Selepas pembangunan wakaf (2019) |
|---|---|
| 100% (RM400 x 12 bulan) | 40% x RM632,887 |
| RM4800.00 | RM253,154.80 |

Peningkatan nilai manfaat sebanyak **5174%**

# Model Pembangunan Wakaf Perumahan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)




Sumber: Hasil temu bual dan semakan pengesahan daripada PWS

1. Kaedah Pajakan 99 tahun

   -Fatwa Pembangunan Tanah Wakaf PWS

2. Kaedah Istibdal (Jualbeli Terus) Untuk Menggantikan Kaedah Pajakan 99 Tahun menggunapakai instrumen perjanjian Jual beli (*Sell and Purchase Agreement*) dan Borang Pindah Milik (Borang 14A Kanun Tanah Negara) atau apa-apa instrumen yang sah dan diiktiraf dari segi undang-undang

3. Perumahan Kampung Lombong, Seksyen 29, Shah Alam

4. Perumahan Komersial Jalan Limau, Kapar & Jalan Kasban, Meru, Klang



POLISI PEMBANGUNAN HARTANAH WAKAF
Kaedah Pembahagian Hasil Pulangan Projek Pembangunan oleh PWS Melalui Anak Syarikat
HASIL KEUNTUNGAN BERSIH (GDV - GDC)
30%
PENERIMA MANFAAT
49%
PWS
21%
ANAK SYARIKAT
Kaedah Pembahagian Hasil Pulangan Projek Pembangunan Yang Dilaksanakan Secara Usahasama
Kaedah Pembahagian 1
NILAI PEMBANGUNAN KASAR (GDV)
6%
PENERIMA MANFAAT
14%
PWS
80%
PEMAJU
Kaedah Pembahagian 2
NILAI KEUNTUNGAN BERSIH (GDV - GDC)
9% @ 6%
PENERIMA MANFAAT
21% @ 14%
PWS
70% @ 80%
PEMAJU

# Isu-isu Syariah dalam Pembangunan Wakaf Perumahan Komersial



- Akad Wakaf : Akad Ijarah VS Jual Beli
- Hak Pemilikan Manfaat dan Ain
- Hak dan Tanggungjawab Mutawalli/ Nazir dan penyewa
- Tempoh pajakan
- Penerima Manfaat Wakaf
- Tasbil Manfaat

# Successful wakaf projects in the last 10 years: Singapore





**Somerset Bencoolen**

- Bencoolen Mosque
- 3-storey commercial space
- 12 storey tower with 107-unit of serviced apartments managed by Ascott Limited

**Chancery Residence**

- 34-unit cluster houses situated in a prime location











**Heritage Residences**

- 19-unit residence located at Telok Kurau behind Aleem Siddique Mosque

# WAKAF IRSAD

- Wakaf daripada tanah Baitulmal, tanah Kerajaan @ tanah mana-mana perbadanan, institusi, pertubuhan @ badan-badan lain menurut Hukum Syarak

# Keperluan kajian Fiqh: Integrasi Wakaf & Zakat

Keperluan dalam memperkasa bidang halal terutama bidang ternakan dan pertanian

# Keperluan Kajian Fiqh: Wakaf Muaqqat di Malaysia

# Isu Perundangan

- Terdapat tanah Wakaf Khas yang belum diproses dan dipindah milik kepada MAIN dan tidak didaftar di pejabat Tanah sebagai tanah rezab kerajaan, khususnya tanah wakaf masjid dan tanah perkuburan
- Masih wujud Tanah-tanah ini ditadbir secara persendirian oleh pemegang amanah masing-masing yang sukar dikesan dan ditentukan jenis-jenisnya.

# Pegangan dan Data Base Tanah Wakaf

- Tidak ada Surat Cara Wakaf
- Maklumat tanah tidak lengkap
- Keperluan hub kerjasama yg baik antara Pejabat Tanah dengan MAIN
- Penggunaan teknologi Komp belum diaplikasikan sepenuhnya

- Wujudnya tuntutan daripada ahli waris ke atas tanah wakaf yang tidak mempunyai rekod penyerahan melalui surat tuntutan atau melalui peruntukan undang-undang mahkamah
- Majlis terpaksa mengeluarkan kos perbelanjaan yang tinggi  untuk membela hak Majlis sebagai Badan Pengawal.
- Proses perundangan ini biasanya memakan masa yang lama. Kesannya, perancangan pembangunan harta tanah tidak dapat berjalan dengan lancar sehingga pertikaian dapat diselesaikan.

- kes pencerobohan ke atas tanah wakaf
- perkara berkenaan dengan wakaf tidak diperuntukkan secara khusus di dlm Enakmen kecuali di negeri Selangor, Melaka dan beberapa neg sahaja
- Berlaku pengambilan ke atas tanah wakaf oleh pihak berkuasa negeri dan tidak diganti dengan tanah. Pelaksanaan Akta Pengambilan tanah 1960 mmberi kesan kpd pembangunan t/ wakaf yg strategik
- Keputusan fatwa tidak mengikat keputusan mahkamah/ perundangan negara

- Tanah-tanah rizab atau tanah kurniaan oleh kerajaan yang digunakan untuk aktiviti keagamaan tidak didaftarkan sebagai tanah wakaf yang dikenali sebagai wakaf *Irsad*.
- Tanah-tanah yang digunakan untuk tujuan tapak masjid, surau dan kubur masih belum diberikan status milikan kekal dan bukannya pajakan *(leasehold).*

# ISU-ISU PERUNDANGAN WAKAF

1. Pendaftaran Tanah Wakaf
2. Tuntutan Ahli Waris
3. Pengambilan Tanah Oleh PBN

# ISU-ISU TANAH WAKAF



# ISU-ISU BERBANGKIT

- Penjualan tanah wakaf
- Tanah wakaf dijadikan pesaka
- Mengambil pampasan tanah wakaf

# Isu dan Permasalahan Wakaf Zuriat

- Isu pengurusan dan pentadbiran:
  - Tidak ada Surat cara Wakaf
  - Tuntutan ahli waris utk menjual tanah wakaf Zuriat
  - Tanah wakaf ditadbir secara persendirian
  - Tidak ada pengkalan data ttg wakaf Zuriat

# Samb…

- Kesukaran utk membangunkan t/ wakaf Zuriat
  - Perlu persetujuan semua ahli waris
  - Ahli waris sendiri tidak bersatu dan sering bertelagah antara satu sama lain
  - Tanggapan negatif ahli waris terhdp MAIN
  - Manfaat hasil wakaf terlalu sedikit berbanding bilangan ahli waris yg menuntut

# Samb…

- Nilai sewa tanah wakaf Zuriat terlalu murah
  - Di sewa oleh ahli waris utk kebajikan
  - Wakaf utk kebajikan tidak dapat disalurkan krn hasil sewa tidak mencukupi
  - Kesukaran utk melakukan pengagihan kepada semua ahli waris kerana tidak ada rekod oleh MAIN

# Samb…

- Pewakaf mewakafkan kepada semua ahli waris
  - Cadangan mewakafkan kpd ahli waris yg tidak berkemampuan/ Ibn Sabil sbgmana agihan zakat
  - Asnaf fakir lebih keutamaan dan ahli waris yg berkemampuan perlu melepaskan hak mereka kpd yg berhak

# ISU PEGANGAN TANAH
# *LEASEHOLD VS. FREEHOLD* SBG WAKAF

- Bukan semua pegangan tanah yang diwakafkan adalah pegangan freehold
- Isu *permanency*
- Imam Malik, mazhab Maliki, Abu Hanifah - wakaf boleh dihadkan tempoh masanya
- Wakaf boleh dibuat secara sementara untuk memberi galakan kpd masyarakat berwakaf dalam keadaan hartanah yang sangat tinggi nilainya.

# Isu Tanah Wakaf Leashold

a. Wakaf Ahmad Dawjee Dadabhoy: Lot 2420, Jln. Masjid India
   Tamat pajakan sehingga: 30 September, 2024.
b. . Wakaf UDA Holdings Sdn. Bhd.: Lot 81, Bangsar Utama.
   Tamat pajakan sehingga:: 3 Disember 2085
c. Wakaf Haji Zainuddin Jantan: AU 2A/1 Off Jln. Jelatik, Setiawangsa.
   Tamat pajakan sehingga:: 20 April 2078.

# Prospects of Contemporary Studies in the Field of Waqf Research

- Waqf Muaqqat & Wakaf Zuriat Issues
- Housing endowment for the provision of housing accommodation to the B40 group.
- Research on Index of Giving among Malaysians.
- Research on CSR is also important and the role played by cooperative.
- Agriculture waqf can be implemented as food security.
- The waqf law should also emphasize on the effectiveness of waqf audits.
- The development of wakaf across state territorial boundaries

# Continue…

- The Use and potential of Artificial Intelligence in waqf Management
- The Use and potential of Blockchain Technology in waqf management
- Fiqh consideration related to the use of new technology in waqf management
- Digital marketing of waqf
- New model of Digital waqf collection
- Risk management of digital waqf management
- Policy, regulations and the role of government in the development of waqf in digital era
- Disclosure and transparency of waqf management in the digital age
- Waqf robot-advisor and the nexus among waqf, technology and poverty.



MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG
WAKAF PAHANG
SEGERALAH
BERWAKAF
SECARA
POTONG GAJI
IBADAH BERTERUSAN,
MANFAAT BERKEKALAN ...
MUDAH
CEPAT
SELAMAT
imbas saya
WAKAF PAHANG
Borang Potong Gaji
Kemana
WAKAF ANDA ?
Ekonomi
Keagamaan
Kesihatan
Pendidikan
Sosial
wakafpahang
"semai di dunia, tuai di akhirat"
www.wakafpahang.my

UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

WAKAF PAHANG

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

JAWHAR

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

MODERATOR



Encik Hanif
Bin Jamaludin,
Ketua Penolong
Pengarah (Wakaf),
JAWHAR



Dato' Hj Halidan
Bin Md Daud
Pengurus Besar
Kanan,
Pusat Kutipan
Zakat Dan
Wakaf Pahang



Prof Madya
Dato' Dr
Zawavi Bin
Zainal Abidin
Naib Canselor,
UnIPSAS

## FORUM

# Kepentingan Wakaf Dalam Memartabatkan Institusi Agama Dan Kemasyarakatan

**Selasa, 21 November 2023**

**Auditorium UnIPSAS**

# PENGURUSAN WAKAF PAHANG DAN BAGAIMANA WAKAF PAHANG MENGURUSKAN TANAH WAKAF

## 1. PENGENALAN

Wakaf merupakan sumber kekuatan ekonomi yang penting bagi umat Islam. Jika zakat merupakan sumber ekonomi yang menjadi kefarduan dan wajib bagi umat Islam yang mencukupi syarat mengeluarkannya, penggunaan atau agihan dana zakat hanya tertentu kepada lapan golongan asnaf yang telah ditetapkan dalam agama. Sebaliknya, wakaf walaupun ianya bersifat sunat dalam mengeluarkannya, tetapi penggunaannya adalah meluas sehingga orang bukan Islam juga boleh mendapat manfaat darinya.

Justeru itu, sudah sampai masanya pengurusan wakaf dipertingkatkan lebih-lebih lagi manfaat kepada pewakaf akan berpanjangan sehingga ke akhirat nanti.

## 2. LATARBELAKANG

2.1 Pentadbiran wakaf di negeri Pahang adalah sebagaimana kuasa yang diperuntukkan di dalam enakmen. Di dalam *Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Pahang 1991*, terdapat tujuh seksyen (Seksyen 70,71,72,73,74,75 dan 78) yang menyentuh mengenai wakaf. Seksyen 70 menyatakan bahawa Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Majlis) hendaklah menjadi Pemegang Amanah Tunggal bagi semua wakaf. Pada awalnya Majlis hanya mengendalikan wakaf hartanah sahaja. Bagaimanapun, keadaan telah berubah pada masa berikutnya.

2.2 Bagi meningkatkan pengurusan wakaf, Majlis telah menubuhkan sebuah unit khas yang dinamakan Unit Saham Wakaf pada bulan Disember 1998. Unit Saham Wakaf mula beroperasi pada bulan Ogos tahun 1999. Ketika itu, Majlis telah memperkenalkan Saham Wakaf (berwakaf dalam bentuk wang tunai) disamping wakaf hartanah.

2.3 Pada bulan Ogos 2020, Majlis mula membincangkan untuk benar-benar mengangkat pengurusan wakaf supaya menjadi sumber kekuatan ekonomi bagi umat Islam di negeri Pahang selepas zakat. Justeru, Majlis memutuskan supaya

wakaf ditadbir sebagai sebuah entiti yang berasingan dari Majlis dan tidak lagi beroperasi sebagai sebuah unit.

Pada peringkat awalnya, pentadbiran wakaf ini ditempatkan di Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ) memandangkan PKZ telah mempunyai struktur yang bersesuaian.

## 3. LANGKAH-LANGKAH YANG DIJALANKAN DALAM MENINGKATKAN PENGURUSAN WAKAF

3.1 Mulai bulan Disember 2020, pengurusan wakaf telah dipindahkan ke bawah pentadbiran PKZ dengan nama Wakaf Pahang. Wakaf Pahang telah melalui beberapa proses dalam memastikan pengurusan wakaf dapat segera diuruskan dengan berkesan.

Langkah-langkah yang diambil adalah;

i. Melakukan '*house keeping'* dengan mengemaskini rekod dan fail. Menyemak kembali rekod-rekod pewakaf.

ii. Menambahbaik dan menyediakan '*platform*' untuk berwakaf dengan menekankan tiga keutamaan iaitu '*Informatif dan telus*, Interaktif dan Mudah Guna, serta '*Personalise*'. Berdasarkan keutamaan ini, Portal Wakaf Pahang dibina dan digunakan mulai bulan Oktober 2021. Portal Wakaf Pahang ini menyediakan maklumat semasa atau real time dari segi rekod kutipan, maklumat penggunaan dana wakaf, senarai semasa tanah wakaf serta pelawaan penggunaan hartanah wakaf (membangun atau menggunakannya)

iii. Kemudahan atau platform untuk berwakaf, wakaf tunai kepada tiga tabung wakaf serta wakaf tunai untuk projek-projek yang disenaraikan. Saluran untuk berwakaf secara tunai telah dipermudahkan. Wakaf tunai boleh dilkukan di 14 cawangan PKZ, membayar di kaunter-kaunter wakaf yang diadakan dari masa kesemasa, melaksanakan wakaf secara atas talian dan juga melalui potongan gaji.

iv. Wakaf tunai boleh disalurkan melalui tiga tabung wakaf iaitu *tabung wakaf daerah, tabung wakaf masjid dan tabung wakaf pendidikan*. Tabung wakaf umum ini akan digunakan dalam lima kategori iaitu;

a. Keagamaan
b. Pendidikan
c. Kesihatan
d. Sosial
e. Ekonomi

v. Selain berwakaf secara tunai kepada tiga tabung wakaf umum tersebut, wakaf tunai juga boleh dibuat terus untuk projek-projek yang disenaraikan di dalam portal Wakaf Pahang. Pada masa ini terdapat 15 projek yang disenaraikan di dalam portal Wakaf Pahang.

vi. Kemudahan untuk mewakafkan hartanah iaitu wakaf lot-lot tanah dan bangunan juga dipermudahkan. Wakaf hartanah boleh dibuat melalui atas talian dan kunjungan kakitangan Wakaf Pahang ke premis-premis pewakaf. Untuk mewakafkan tanah atau bangunan, memadai dengan pewakaf memasukkan maklumat asas iaitu nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sedikit keterangan asas hartanah yang ingin diwakafkan kedalam borang yang disediakan di dalam portal Wakaf Pahang.

vii. Di dalam portal Wakaf Pahang juga dipaparkan maklumat mengenai penggunaan dana wakaf. Penggunaan dana wakaf dipaparkan mengikut lima kategori seperti yang tersebut dalam perkara iv. di atas.

## 4. PENDANAAN PROJEK MELALUI TABUNG DANA WAKAF

4.1 Pendanaan dari tabung dana wakaf boleh dibuat di bawah lima kategori iaitu keagamaan, pendidikan, kesihatan, sosial dan ekonomi. Pengurusan Wakaf Pahang akan mengambil kira sumbangan dana daripada pemohon sendiri sebelum menimbangkan jumlah yang diluluskan daripada tabung wakaf. Jika terdapat sebarang kekurangan selepas jumlah dari tabung dana wakaf diluluskan, maka akan dijana pula dana wakaf melalui portal.

Secara lebih jelas penggunaan tabung dana wakaf adalah seperti ilustrasi berikut;

| Bil. | Keterangan | Pendanaan (RM) | Kos (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | Kos projek<br>(cthnya ubahsuai dan naiktaraf masjid) | | 150,000 |
| 2. | Dana dari tabung sendiri (telah dikumpul dari sumbangan lain) | 30,000 | |
| **3.** | Dari Tabung Dana Wakaf | 50,000 | |
| 4. | (Kekurangan) *<br>Diletakkan didalam portal Wakaf Pahang | 70,000 | |
| | **JUMLAH** | **150,000** | |

* *i. Ini merupakan initiatif supaya pemohon bersama mempromosi dan mengajak orang ramai berwakaf*

*ii. Bagi sekolah-sekolah atau jabatan yang memohon dana wakaf, bilangan kakitangan yang membuat potongan gaji untuk berwakaf dapat membantu menentukan berapakah sumbangan daripada tabung dana wakaf.*

4.2 Bagi penggunaan tabung Dana Wakaf bagi ubahsuai dan naiktaraf masjid, pengurusan wakaf juga akan berpandukan keperluan mengikut ***maqasid syariah*** iaitu keperluan dikategorikan mengikut ***daruriyyat, hajiyat dan tahsiniyat***. Secara umumnya keperluan dibawah keperluan daruriyyat dan hajiyat akan dipertimbang daripada tabung dana wakaf sementara keperluan dibawah tahsiniyat akan dijana melalui portal wakaf.

## 5. PENGURUSAN WAKAF HARTANAH

5.1 Dalam menguruskan wakaf hartanah, terdapat beberapa hal yang ingin diketengahkan sebagai latarbelakang;

i. Pada masa ini (Oktober 2023), terdapat **sebanyak 431 lot tanah wakaf** yang telah didaftarkan sebagai yang diletakhak kepada Majlis. Ini termasuk tapak masjid dan surau serta tanah perkuburan.

ii. Lot tanah yang belum dimajukan adalah **sebanyak 270 lot** dengan jumlah **keluasan 173.39 ekar.**

**iii.** Bilangan lot tanah seluas satu ekar dan ke atas adalah sebanyak **54 lot**

iv. Terdapat wakaf hartanah yang tidak diselesaikan mengikut undang-undang. Wakaf Pahang telah mengadakan pembentangan mengenai kaedah mewakafkan hartanah kepada kira-kira *180 madarasah, pondok dan maahad tahfiz di negeri Pahang*. Wakaf Pahang mendapati bahawa pewakafan yang dilakukan adalah melalui;

a. Wakaf secara lisan
b. Wakaf secara tulisan
c. Pemegang Amanah
d. Secara memberikan 'Power of Attorney'

v. Kesemua kaedah tersebut kebanyakannya tidak diikuti dengan pendaftaran di pejabat-pejabat tanah. Oleh itu, pewakafan tersebut tidak selesai mengikut undang-undang. Hal ini berisiko dengan harta wakaf akan hilang statusnya dan akan jatuh kepada faraid oleh waris-waris apabila pewakaf meninggal dunia.

Pengurusan wakaf perlu juga memberi penekanan kepada hal ini dengan *berusaha untuk mendaftarkan tanah-tanah wakaf* supaya statusnya sebagai tanah wakaf adalah terjamin.

5.2 Pendekatan untuk memanfaatkan dan memaksimumkan penggunaan tanah wakaf dilaksanakan dengan beberapa pendekatan seperti berikut;

i. Menyewakan bangunan (rumah) yang diwakafkan. Wakaf Pahang perlu menaggung kos untuk membaiki rumah atau bangunan dari masa kesemasa. Oleh itu kadar sewa perlu mengambil kira faktur-faktur ini dengan mengenakan kadar sewa mengikut kadar pasaran.

ii. Menyewakan tanah-tanah kosong. Tanah-tanah kosong diprofilkan dan disusun maklumat supaya dapat diakses dengan mudah. Setelah disusun seperti yang ada dalam portal wakaf maka ianya dapat dikongsikan kepada umum. Berikutan dari itu penyewaan boleh dipohon secara atas talian. Wakaf Pahang adalah dalam rangka untuk untuk berkongsi maklumat ini dengan para penghulu dan ketua-ketua kampung agar dketahui dimana

ada tanah wakaf di kampung masing-masing. Dengan itu, pengurusan kampung boleh membuat perancangan untuk menggunakan tanah-tanah wakaf yang ada di dalam atau berdekatan dengan kampung masing-masing.

iii. Mengadakan *sinergi penggunaan tanah wakaf dengan bahagian pembangunan asnaf zakat*. Melalui pendekatan ini, pihak wakaf akan menawarkan penggunaan tanah wakaf kepada bahagian pembangunan asnaf zakat dimana terdapat rancangan untuk pertanian atau penternakan kepada asnaf-asnaf yang berdekatan atau berada disekitar tanah wakaf. Dalam pendekatan ini, penglibatan jabatan-jabatan yang berkaitan pertanian dan penternakan juga adalah diperlukan.

iv. Usaha untuk membangunkan tanah wakaf secara komersial juga menjadi tumpuan kepada Wakaf Pahang. Sehingga ini Wakaf Pahang telah mengadakan hubungan dengan UDA Holdings, PKNP, PKPP, Yayasan Pahang dan juga Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang untuk meneroka usaha-usaha bagi membangunkan tanaf wakaf.

5.3 Memberdayakan masjid-masjid untuk menjana pendapatan supaya dapat berdikari dalam memajukan masjid masing-masing merupakan pendekatan yang akan dilaksanakan oleh Wakaf Pahang. Hal ini adalah penting kerana masjid-masjid mempunyai potensi yang strategik dalam mengumpul dana dari pada pelbagai bentuk. Dengan dana yang diperolehi, pihak masjid boleh merancang pembangunan sendiri tanpa bergantung kepada dana dari pihak berwajib seperti Majlis dan lain-lain. Selain itu pihak pengurusan masjid harus diberi kesedaran bahawa dana sumbangan orangramai kepada tabung-tabung masjid hendaklah diberi keutamaan menggunakannya. Inilah hasrat penyumbang apabila mereka menyumbang kepada tabung-tabung tersebut.

Diantara cadangan yang boleh dikemukakan kepada masjid-masjid adalah seperti berikut;

i. Memanfaatkan tanah wakaf dalam kariah masjid. Kemahiran dan pengalaman ahli jemaah boleh digunakan sama ada untuk pertanian atau ternakan diatas tanah-tanah wakaf.

ii. Memanfaatkan sebahagian tanah wakaf untuk perkuburan selama tempoh belum digunakan.

iii. Menggalakkan ahli jemaah berwakaf khusus untuk disumbangkan hasilnya kepada masjid. Masjid boleh dilantik sebagai mutawalli kepada harta wakaf berkenaan. Harta-harta wakaf yang boleh diwakafkan oleh ahli jemaah seperti rumah, ladang dan sebagainya.

iv. Membina gerai-gerai dalam perkarangan masjid untuk disewa atau digunakan sebagai premis perniagaan. Pendanaan boleh dibuat seperti kaedah 4.1 di atas.

- *Perkara ini perlu dibentang kepada pengurusan masjid secara lebih terperinci atau dibengkelkan.*

## 6. KESIMPULAN

6.1 Wakaf Pahang telah memasuki tahun ketiga operasinya selepas tidak lagi sebagai sebuah unit di Majlis. Tumpuan telah dapat diberikan dengan mengadakan perancagannya sendiri seperti menyediakan kemudahan dalam berwakaf dan juga menyediakan rekod yang tersusun dan lengkap supaya mudah untuk membuat perancangan.

6.2 Rekod menunjukkan telah berlaku peningkatan yang memberansangkan dalam bilangan pewakaf dan juga amaun wakaf tunai. Saluran wakaf yang mengalami peningkatan yang tinggi adalah wakaf secara atas talian. Ini menunjukkan kesan dari pendekatan bagi meneyediakan pelbagai saluran untuk berwakaf.

6.3 Wakaf akan berusaha untuk menguruskan hartanah wakaf supaya mendatangkan hasil yang maksimum kepada dana wakaf secara amnya.

Disediakan oleh;
**DATO' HJ. HALIDAN B MD DAUD**
**Pengurus Besar Zakat dan Wakaf Pahang**
*Jamadilawal 1445H*

UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY

WAKAF PAHANG

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

JAWHAR

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH